

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	10 October 2015



Kuala Lumpur: Datuk Seri Nsyib Razak berkongsi kesedihan terhadap nasib dua murid Sekolah Kebangsaan (SK) Tohoi di Gua Musang, Kelantan, yang ditemui mati selepas hilang sejak Ogos lalu.

Perdana Menteri dalam akaun Facebooknya malam tadi juga meluahkan rasa kesyukuran terhadap dua lagi murid yang ditemui selamat semalam.

"Dua murid SK Tohoi yang hilang telah diurnpai selamat, Alhamdulillah. Tetapi pada masa sama, saya berkongsi kesedihan keluarga dua lagi

yang ditemui telah meninggal dunia. Semoga roh mereka dicucuri rahmat," katanya.

Minta rakyat terus berdoa Najib juga berkata, pasukan mencari dan menyelamat akan meneruskan usaha dan melakukan yang terbaik dan turut meminta semua rakyat Malaysia berdoa agar yang lain akan ditemui

Terdahulu Mirsudiar 11, dan Noreen Yacoob, 10, ditemui kira-kira 33 kilometer dari Pusat Operasi Mencari dan Menyelamat (SAR) pada 12.15 tengah hari, bersama mayat Ika Ayeel, 9.

**Kita berharap keluarga mangsa tabah dan bersabar kerana operasi pencarian yang masih berbaki dua lagi kanak-kanak akan diteruskan sehingga ditemui"**

**Mazlan Lazim,**  
Ketua Polis Kelantan

**KRONOLOGI**

**Kehilangan tujuh kanak-kanak Orang Asli yang hilang**

**23 Ogos**

- ⊙ Tujuh murid Sekolah Kebangsaan (SK) Pos Tohoi dilaporkan hilang kerana bimbang dimarahi guru kerana mandi sungai tanpa kebenaran.
- ⊙ Tujuh kanak-kanak itu, Haikal Yaakob, 8, kakaknya, Noreen, 10, Mirsudiar Alui, 11, Ika Ayeel, 9, Sasa Sobne, 8, Linda Rosli, 8, serta Juvina David, 7.

**25 Ogos**

- ⊙ Pasukan mencari dan menyelamat terdiri daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), Pasukan Gerakan Arm (PGA) dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), memulakan operasi mencari di kawasan hutan Pos Tohoi.

**1 September**

- ⊙ Sepasang stoking ditemui di hutan dan kemudian disahkan bukan milik tujuh kanak-kanak yang hilang itu.

**17 September**

- ⊙ Kawasan pencarian diperluaskan sehingga 140 kilometer (km) di kawasan hutan Pos Tohoi.

**28 September**

- ⊙ Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi melawat keluarga mangsa pada hari ke-37 kanak-kanak itu dilaporkan hilang.
- ⊙ Elemen culik turut diambil kira.

**10 Oktober**

- ⊙ Hari ke-40
- ⊙ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Ahmad Jazlan Yaakub memberi jaminan yang tiada tarikh tamat bagi usaha pencarian itu.

**7 Oktober**

- ⊙ Mayat Sasa ditemui di Sungai Perias, kira-kira 500 meter dari SK Pos Tohoi

**8 Oktober**

- ⊙ Proses pengecaman oleh keluarga
- ⊙ Keluarga mengenalpasti mayat yang ditemui ialah Sasa
- ⊙ Polis menemui rangka manusia yang dipercayai kanak-kanak Orang Asli yang belum dikenal pasti.

**9 Oktober**

- ⊙ Noreen dan Mirsudiar ditemui selamat, manakala Ika ditemui mati.